



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN**  
**KOD KURSUS : MPU2183**  
**PEPERIKSAAN : JANUARI 2024**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan.
  - ii. Kertas Jawapan Objektif.
  - iii. Buku Jawapan.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **10** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

0

0

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah konsep utama dalam Perlembagaan yang menyumbang kepada integrasi sosial di Malaysia?
  - A Mengiktiraf hak sesuatu kaum.
  - B Memberi keutamaan kepada satu kaum sahaja.
  - C Menitikberatkan hak individu tanpa mengira kaum.
  - D Menekankan kesetaraan dan keadilan antara kaum
  
2. Mengapakah integrasi perpaduan penting kepada masyarakat majmuk di Malaysia?
  - A Memisahkan kaum berbeza.
  - B Mencampuradukkan nilai-nilai budaya.
  - C Menekankan ketidakseimbangan dalam masyarakat.
  - D Menyatukan berbagai komuniti dalam kesepaduan dan keharmonian.
  
3. Apakah tujuan utama Malayan Union dibentuk pada tahun 1946?
  - A Menguatkuasakan sistem monarki.
  - B Mempertahankan kedaulatan kolonial.
  - C Mempromosikan kemerdekaan Malaya.
  - D Memperkenalkan bentuk pemerintahan baru.
  
4. Siapakah Gabenor Besar pertama dalam Malayan Union?
  - A Sir Edward Gent.
  - B Sir William Goode.
  - C Sir Edward Youde.
  - D Sir Harold MacMichael.
  
5. Apakah perkara utama yang dibincangkan dalam Suruhanjaya Reid?
  - A Sistem pendidikan.
  - B Pengurusan ekonomi.
  - C Kedudukan raja-raja Melayu.
  - D Pengagihan kuasa undang-undang.

6. Manakah antara berikut cara mendapatkan kewarganegaraan di Malaysia?
- Perjanjian
  - Naturalisasi.
  - Pendaftaran.
  - Undang-undang.
- A i, dan iii.  
B iii, dan iv.  
C i, ii, dan iii.  
D ii, iii, dan iv.
7. Suruhanjaya Reid diumumkan pada tahun berapa?
- A 1956.  
B 1966.  
C 1936.  
D 1946.
8. Pilih pernyataan yang **betul** mengenai langkah-langkah menguruskan ICT dengan baik.
- A Sambil lewa tentang kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi.  
B Tidak membenarkan pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dikenali.  
C Menyebarkan kerahsiaan keselamatan data peribadi daripada diketahui umum.  
D Memaksimumkan penggunaan ICT ketika meluangkan masa bersama keluarga.
9. Berikut merupakan etika menggunakan media sosial **kecuali**
- A berkongsi ilmu pengetahuan.  
B memberi komen yang negatif.  
C Mengehadkan penggunaan media sosial di tempat kerja.  
D Tidak meletakkan info peribadi untuk perkongsian bersama.

10. Apakah yang menjadi fokus utama dalam memanfaatkan ICT untuk kesepaduan nasional di Malaysia?

- A Memperkuat isolasi etnik.
- B Mengurangi akses informasi.
- C Memisahkan masyarakat menjadi kelompok kecil.
- D Meningkatkan pemahaman dan toleransi antara etnik.

11. Berikut merupakan impak **negatif** penggunaan ICT di Malaysia.

- i. Menyebarkan berita palsu.
- ii. Pemantapan Bahasa Melayu.
- iii. Penyebaran maklumat yang mengelirukan.
- iv. Memperkasakan kemahiran komunikasi seseorang.

- A i, dan iii.
- B ii, dan iv.
- C i, ii, dan iii.
- D ii, iii, dan iv.

12. Manakah antara berikut merupakan fungsi ICT dalam kehidupan?

- i. menambah beban kerja.
- ii. mempercepat urusan manusia.
- iii. membantu komunikasi lebih efisien.
- iv. menghubungkan manusia di mana-mana sahaja.

- A i, dan ii
- B ii, dan iii.
- C i, iii, dan iv
- D ii, iii, dan iv

13. Pernyataan manakah adalah benar berkenaan defisit sosial?

- A Perpaduan sosial dalam kehidupan.
- B Kepentingan sosial dalam menjalani rutin harian.
- C Kemakmuran sosial dalam mengimbangi kehidupan seharian.
- D Kekurangan konsep sosial yang memerlukan usaha penyatupaduan.


14. Konsep "autoriti" dalam kerajaan merujuk kepada
- A kebebasan bersuara.
  - B peranan sebagai pemimpin rakyat.
  - C kekuasaan dalam membuat keputusan.
  - D kewajiban membayar cukai takrifan harian.
15. Kehadiran kolonial telah membentuk elemen berikut **kecuali**
- A Peradaban majmuk.
  - B Sistem perundangan Barat.
  - C Ketidaksepaduan antara kaum.
  - D Penghijrahan penduduk ke bandar.
16. Kegagalan dalam mentadbir urus negara akan menyebabkan timbulnya masalah berikut **kecuali**
- A Sistem ekonomi makin maju.
  - B Wujud golongan yang anti kerajaan.
  - C Melahirkan masyarakat yang tidak harmoni.
  - D Wujud golongan miskin, terpinggir dan terabai.
17. Bagaimanakah peradaban berperanan untuk mendukung tanggungjawab sosial?
- A Hanya berfokus pada kemajuan teknologi.
  - B Memandang sosial sebagai urusan peribadi.
  - C Mengabaikan peranan etika dalam masyarakat.
  - D Mengintegrasikan nilai sosial dan moral dalam perilaku masyarakat.



**Gambar 1**

18. Gambar 1 menunjukkan jenis tarian yang berasal dari

- A Perak.
- B Johor.
- C Kedah.
- D Pulau Pinang.



**Gambar 2**

19. Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang tepat menerangkan gambar 2?

- A Juadah harian makanan masyarakat di negeri pantai timur.
- B Jeruk sayuran yang diperam dan dimakan oleh masyarakat tertentu.
- C Kuih tradisional yang menunjukkan identiti dan keunikan kaum di Malaysia.
- D Makanan utama yang disajikan pada hari raya pertama masyarakat di Malaysia.

20. Simbolik binatang yang dianggap sebagai simbol keberuntungan dalam budaya

Cina adalah

- A Ular.
- B Naga.
- C Keldai.
- D Seladang.

[20 MARKAH]

### BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

#### SOALAN 1

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang utama dan tertinggi di Malaysia, mengandungi 183 perkara. Ia merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang telah dibentuk berasaskan dua dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957.

#### Pernyataan 1

- a. Berikan maksud berserta contoh:
  - i. Tapak Integrasi
  - ii. Perlembagaan

(4 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** cara pemerolehan kewarganegaraan.


(4 markah)
- c. Jelaskan **tiga(3)** peranan perlembagaan dalam konteks kehidupan sosial di Malaysia.

(6 markah)
- d. Terangkan **tiga(3)** kesan terhadap peradaban apabila Perlembagaan dihormati dan diamalkan? Jelaskan berserta contoh.

(6 markah)



## SOALAN 2



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan perkembangan serta kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

- a. Senaraikan **empat (4)** era utama sejarah perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).  
(4 markah)
  
- b. Jelaskan **empat (4)** adab menggunakan media sosial berserta contoh.  
(8 markah)
  
- c. Terangkan **empat (4)** manfaat penggunaan TMK dalam konteks kesepaduan nasional di Malaysia.  
(8 markah)

## SOALAN 3

# Sukarelawan, alumni UMP serah sumbangan

UTUSAN MALAYSIA (CARAH AKADEMIK) 10 JAN 2024 | M30

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**  
 utusankh@utusan.com.my

■ **KUANTAN 10 JAN**

**S**ERAMAI 80 murid dan pelajar daripada golongan asnaf dan anak yatim di sekitar daerah ini serta Pekan menerima bantuan kelengkapan persekolahan menerusi program Kembali Ke Sekolah anjuran UMP Advanced Education di sini baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama Persatuan Graduan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMPA) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) itu sebagai usaha membantu meringankan beban keluarga murid serta pelajar terlibat membuat persiapan memasuki sesi baharu persekolahan tahun ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserie Zainuddin berkata, program berkenaan merupakan satu daripada inisiatif MyGift UMP bagi membantu golongan yang memerlukannya.

"Penyertaan sukarelawan UMP melibatkan kakitangan dan alumninya yang turun padang menjayakan program tanggungjawab sosial korporat ini sangat membanggakan," katanya di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education, Mohammad Rozi Hassan yang bersama sukarelawan lain membantu menjayakan program berkenaan.

Menurut Yuserie, sumbangan sepasang pakaian seragam sekolah, kasut, stoking, alat tulis dan beg diharap dapat memberi manfaat dan semangat kepada murid serta pelajar terlibat untuk menimba ilmu.

"Sikap dermawan dalam kalangan masyarakat kampus ini diharap dapat diteruskan bagi membudayakan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan," ujar beliau.

Sementara itu, seorang ibu, Lizawati Mustafa, 34, berterima kasih kepada UMP yang sentiasa menghulurkan sumbangan kelengkapan persekolahan kepada tiga anaknya berusia di antara sembilan hingga 12 tahun.

"Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban untuk membuat persiapan persekolahan anak-anak saya. Mereka juga teruja memulakan sesi persekolahan dengan kelengkapan baharu," katanya.

## Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan keratan akhbar tentang penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan.

- Berdasarkan Rajah 2, berikan **empat (4)** contoh aktiviti sukarelawan. (4 markah)
- Terangkan **tiga (3)** cara mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat setempat. (6 markah)
- Pada pandangan anda, mengapakah golongan muda kurang berminat untuk melibatkan diri dalam kerja sukarelawan? (10 markah)

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN C: SOALAN ESEI**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

Kelestarian etika dan peradaban sejagat sentiasa tercabar dan terkesan oleh proses hakisan sosial. Hal ini demikian kerana perubahan dalam masyarakat berlaku dengan pantas dan sukar dikawal terutama bagi generasi baru. Huraikan **empat (4)** cara dalam menjaga kelestarian sesebuah negara dan bincangkan **empat (4)** kesan jika hilang rasa sayang dan cinta akan negara.

**[20 markah]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1

0

0